

# Dalang boleh dipenjara 5 tahun, denda RM10 juta

Keratan Akhbar BH

Tarikh 26/7/2024

**Pengerusi alam sekitar negeri ulas kekeliruan orang awam hukuman pencemar sungai ringan**

Oleh Ercy Gracella Ajos  
ercy.gracella@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Hukuman penjara mandatori sehingga lima tahun dan denda sehingga RM10 juta boleh dikenakan ke atas dalang di sebalik punca pencemaran sumber air di Selangor sekiranya didapati bersalah.

Perkara itu dimaklumkan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Selangor, Jamaliah Jamaluddin berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 25 Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

Beliau berkata, pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga sudah menahan dua individu bagi membantu siasatan berhubung pencemaran bau di Sungai Kuang yang menyebabkan henti tugas loji rawatan air (LRA) dengan kes disiasat di bawah peruntukan undang-undang itu.

"Ketika ini juga, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sedang melengkapkan kertas siasatan di bawah Seksyen 79(1) Enakmen LUAS 1999.

"Ia (seksyen itu) memperuntukkan hukuman denda minimum RM200,000 dan maksimum RM1 juta, serta mandatori penjara tidak melebihi tiga tahun jika disabitkan kesalahan ke atas premis terbabit," katanya melalui satu muat naik di Facebook, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas kekeliruan dalam kalangan orang awam yang menganggap pengusaha premis yang bertanggungjawab ke atas pencemaran di Sungai Kuang hanya dikenakan kompaun RM1,000 dan lesen digantung tujuh hari.

Malah Ahli Parlimen Bangi, Syahredzan Johan, melalui satu ciapan di platform X membangkitkan dua bidang kuasa berbeza dalam menangani isu pencemaran sungai merujuk kejadian terkini di Selangor itu.

Wakil rakyat Pakatan Harapan (PH) itu membangkitkan denda RM1,000 dikeluarkan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) ke atas kilang pemprosesan plastik yang disyaki menjadi punca pencemaran itu sehingga menyebabkan henti tugas LRA di Selangor, sedangkan pada masa sama pelaku disiasat Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah AKAS 1974 berdepan denda RM10 juta.

Mac lalu, Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 yang bertujuan meminda AKAS 1974 (Akta 127) bertujuan memantapkan aspek penguatkuasaan, pencegahan pencemaran dan jenayah alam sekitar daripada terus berlaku dengan peningkatan kadar penalti serta kompaun, selain membolehkan tindakan tegas diambil terhadap penjenayah alam sekitar.

RUU ini membabitkan pindaan 28 seksyen di bawah Akta 127 yang antara lain merangkumi pemantapan hukuman dengan julat kadar denda minimum tidak kurang daripada RM5,000 dan maksimum tidak lebih RM10 juta dan penjara mandatori tidak melebihi tempoh lima tahun.

Dalam pada itu, Jamaliah ketika mengulas lanjut, berkata laporan sebuah portal media me-



Penduduk mengambil bekalan air bersih di Pusat Khidmat Setempat Taman Rakyat, Klang berikutan gangguan bekalan air susulan insiden pencemaran bau di Sungai Kundang dan Sungai Sembah, kelmarin. (Foto Faiz Anuar/BH)

ngenai denda RM1,000 dikenakan MPS berdasarkan peruntukan Seksyen 11 Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Perlupusan Sampah Sarap (MPS) 2007 itu tidak bersifat menyeluruh dan tidak tepat.

## Tindakan bidang kuasa MPS

Katanya, tindakan kompaun dan penggantungan lesen dinyatakan dalam kes itu adalah tindakan yang tertakluk di bawah bidang kuasa pihak MPS selaku pihak berkuasa tempatan di lokasi pencemaran ini berlaku.

"Ditegaskan bahawa tindakan kompaun dan penggantungan lesen adalah tindakan di bawah bidang kuasa MPS ke atas premis yang bertanggungjawab menyebabkan pencemaran di Sungai Kuang.

"Pada masa sama, agensi lain yang berkaitan sedang melengkapkan siasatan ke atas premis berkenaan berdasarkan bidang

kuasa masing-masing," katanya.

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sebelum ini dilapor membuka kertas siasatan berhubung pencemaran bau di Sungai Kundang dan Sungai Sembah di Selangor susulan kebocoran tangki sebuah kilang plastik di Kuang yang menyebabkan empat Loji Rawatan Air (LRA) dihenti tugas.

Agensi itu berkata, siasatan dilakukan mengikut Seksyen 79(1) Enakmen LUAS 1999 bagi tindakan lanjut penguatkuasaan terhadap premis yang terbabit dalam insiden itu.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) juga akan mengambil tindakan berkaitan di bawah bidang kuasa masing-masing terhadap premis berkenaan.

Terdahulu, lebih 1,000 kawasan di tujuh wilayah mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual susulan henti tugas empat LRA.